PROCEEDINGS

SIMPOSIUM KLUSTER KEJURUTERAAN 2024

Transforming Challenges Into Engineering Opportunities

Editors:
Muhammad Qusyairie Saari
Khairul Anuar Abdul Wahid
Amirruddin Abdul Kadir

Volume I 2025

Diterbitkan Oleh:
Jabatan Profesional Muda
Dewan Pemuda PAS Malaysia

KANDUNGAN

Topik	Jawatan	Tajuk Kertas Kajian	Muka Surat
PRAKATA	YB Afnan Hamimi Bin Dato' Taib Azamudden	Ucapan Perasmian	5
PENDAHULUAN	Jawatankuasa Simposium	AJK Simposium KKJ	8
Ucaptama 1			
Prof. Ir. Dr. Hairul Azhar Abdul Rashid	Rektor, University College TATI (UCTATI). Kluster Kejuruteraan (KKj), JPro, DPPM.	Pembangunan Bakat Melalui Kejuruteraan: Pendekatan Strategik Kepimpinan Islam dalam Era Transformasi Politik dan Sosial.	13
Ucaptama 2			
Prof Madya Dr. Mohd Hanif Bin Yaacob	Ketua Pegawai Eksekutif TSIS. Kluster Kejuruteraan (KKj), JPro, DPPM.	Kerajaan 4 Negeri (SG4) Pembolehdaya Agenda Ekonomi Nasional.	15
Ucaptama 3			
YB. Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam Khirudin	Ahli Parlimen Jerantut. Ketua Portfolio Pengangkutan Perikatan Nasional.	Merintis Laluan ke Arah Peralihan Tenaga dalam Kerajaan Negeri 4 (SG4).	17
☐ **Sub-Cluster: Academia Engineering**			
Nama	**Jawatan**	**Tajuk Kertas Kajian**	**Muka Surat**
Pembentang 1: Muhammad Qusyairie Bin Saari	PhD student. Ketua Sub-Kluster Akademia, KKj, JPro, DPPM. Editor 3	Synthesis and Characterization of Dielectric Properties of Capacitor Based on CCTO, Glass, and Rare Earth Elements: A short overview.	19
Pembentang 2: Dr. Wan Md Syukri Bin Wan Mohamad	CTO/CFO, Siri Sdn Bhd. Ahli Sub-Kluster Akademia, KKj, JPro, DPPM.	Digital Business Model For Smart Cities: Unlocking Urban Transformation.	25

Pembentang 3: Muhammad Hafiz Hadi Bin Sumardi	Reliability Engineer, GRSA Malaysia Sdn Bhd. Ahli Sub-Kluster Oil & Gas/Mining, KKj, JPro, DPPM.	Beyond the Status Quo: Inspiring Young Engineers to Innovate and Drive Change.	29
☐ **Sub-Cluster: Medical Engineering**			
Pembentang 4: Dr. Siti Aminah Binti Muhammad Imran	Scientific Director, Ming Medical Services. Jabatan Muslimat Profesional (MPro), DMPM.	Tissue Engineering and Regenerative Therapy: The Future or Now ?	33
☐ **Sub-Cluster: Highway & Transportation Engineering**			
Pembentang 5: Ir. Dr. Ahmad Hamdan Bin Ariffin	Pensyarah Kanan Faculty of Mechanical and Manufacturing Engineering, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Kluster Kejuruteraan(KKj), JPro, DPPM.	The Significance of the Fleet Management and Control (UFMC) System for Unmanned Aerial Systems (UAS) in Malaysia.	39
Pembentang 6: Ts. Hj. Keel Gunanda @ Mohd Zaki Bin Idral	Engineering Services Manager, Eastman Chemical Company. Kluster Kejuruteraan (KKj), JPro, DPPM.	Engineering Method to Prevent Parents Left Kid/Toddler in Vehicle.	43
☐ **Sub-Cluster: Environmental, Health & Safety Engineering**			
Pembentang 7: Ts. Dr. Khairul Fahzan Bin Salleh	Pensyarah, Politeknik Salahuddin Abdul Aziz Shah. Ahli Sub-Kluster Environmental, Health & Safety Engineering, KKj, JPro, DPPM.	Cabaran Ergonomik Mutakhir ini.	47
Pembentang 8: Tuan Muhammad Ayub Bin Md Husni	CAD, Process Engineer.	Bring Lean Concept to Home & School.	53
☐ **Sub-Cluster: Manufacturing, Agriculture & Food Engineering**			
Pembentang 9: Ts. Faiz Bin Razali	R&D Engineer, Autoliv.	Kesedaran Keselamatan : Langkah Menangani	58

	Ahli Sub-Kluster Highway & Transportation Engineering, KKj, JPro, DPPM. Kluster Kejuruteraan, JPro, DPPM.	Kematian Akibat Kenderaan Tenggelam.	
☐ **Slide Presentations**			
Pembentang 10: P.Geol. Ahmad Zulqurnain Bin Ghazali	Pengarah Urusan, Geoventure Solution Sdn Bhd. Timbalan Pengarah 1, JPro DPPM	Geohazard in Malaysia: Situation and Future Recommendation	64
☐ KESIMPULAN			66
☐ RUJUKAN			66
☐ PENGHARGAAN			66
☐ MENGENAI JABATAN PROFESIONAL MUDA			68

PRAKATA

PRAKATA

UCAPAN PERASMIAN

YB Afnan Hamimi Bin Dato' Taib Azamudden
Ketua Pemuda PAS Malaysia, Dewan Pemuda PAS Malaysia

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih kepada Pengerusi Majlis.

Yang dimuliakan barisan dif-dif kehormat: Yang Berusaha Ustaz Hanif Jamaluddin, Naib Ketua Pemuda PAS; Yang Berhormat Puan Mardhiyyah Johari, Ketua Pengarah Ameerah Malaysia, ADUN Negeri Kedah, Peguam Sivil dan Syarie; Yang Berusaha Tuan Muhammad Syahmi Mansor, Ketua Pengarah Jabatan Profesional Muda (JPro), Dewan Pemuda PAS Malaysia, Certified Project Management Professional; Yang Berusaha L.Ar. Haji Fauzi Abu Bakar, Timbalan Pesuruhjaya PAS 1, Badan Perhubungan PAS Wilayah Persekutuan, mantan Presiden Institute Landscape Malaysia (ILAM); dan Yang Berusaha Tuan Azmer Syazwan bin Ahmad Suparmin, Ketua Pemuda PAS Wilayah Persekutuan.

Yang dihormati barisan pengucaptama: Yang Berhormat Ir. Ts. Khairil Nizam Khirudin, Ahli Parlimen Jerantut, mantan staf jurutera PETRONAS, Malaysian DOSH Offshore Self-Regulation Inspector; Prof. Ir. Dr. Hairul, mantan Naib Presiden Penyelidikan dan Inovasi MMU, kini Rektor University College TATI; serta Prof. Madya Dr. Hanif Yaacob, CEO Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS).

Yang diraikan para pembentang Simposium Kluster Kejuruteraan serta hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat berhimpun pada pagi yang mulia ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar baginda Nabi Muhammad SAW, pembawa risalah ilmu yang menjadi cahaya penerang kepada umat manusia.

Hadirin yang dihormati, Allah SWT berfirman dalam Surah Az-Zumar ayat 9: "Katakanlah, adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? Sesungguhnya orang yang berakal sahaja yang dapat menerima pelajaran." Ayat ini menegaskan bahawa ilmu adalah asas kemajuan, dan kejuruteraan merupakan salah satu cabang ilmu yang mencorakkan peradaban manusia.

Allah SWT juga berfirman dalam Surah At-Taubah ayat 122 tentang keutamaan sebahagian umat memberi tumpuan mendalami ilmu dan memberi peringatan kepada kaumnya agar mereka dapat menjaga diri. Tuntutan fardhu kifayah ini meliputi penguasaan ilmu teknologi dan kejuruteraan yang memberi manfaat kepada ummah.

Sejarah Islam membuktikan bahawa ilmu dan teknologi menjadi pemacu kegemilangan tamadun. Antara tokoh tersebut ialah Al-Jazari, digelar Master Engineer dan Father of Robotics, melalui karya agungnya Kitab fi Ma'rifat al-Hiyal al-Handasiyya yang menjadi asas kepada banyak perkembangan mekanikal moden. Al-Khwarizmi pula memperkenalkan kaedah sistematik penyelesaian persamaan linear dan kuadratik, asas kepada algebra serta kejuruteraan moden. Terdapat ramai lagi tokoh ilmuwan Islam dalam pelbagai bidang seperti fizik, astronomi, perubatan, muzik dan falsafah.

Sebagaimana sering diingatkan oleh Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang, ilmu adalah amanah untuk kesejahteraan duniawi dan ukhrawi. Ilmu bukan sekadar alat mencapai kejayaan dunia, tetapi juga untuk menegakkan keadilan, kesejahteraan dan kemakmuran umat. Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa yang menempuh jalan untuk menuntut ilmu, maka Allah akan mudahkan baginya jalan ke syurga." (Riwayat Muslim). Dalam konteks teknokrat dan profesional PAS, golongan ini bukan sekadar pelengkap, malah pemimpin yang membawa Islam ke tahap tertinggi melalui penguasaan ilmu dan akhlak.

Tema “KITA MEMIMPIN” yang diketengahkan dalam Muktamar Dewan Pemuda PAS Malaysia (DPPM) ke-65 menggariskan tiga hala tuju utama: membina generasi sejahtera yang bersedia memimpin kemenangan, memimpin sokongan anak muda, dan menarik sokongan pengundi bukan Islam. Seiring dengan itu, Pemuda PAS memikul tanggungjawab mempersiapkan barisan amilin yang komited melaksanakan dasar-dasar parti serta berupaya menerajui bidang strategik. Simposium ini menjadi medan penting untuk berkongsi pengetahuan, bertukar idea dan memperkukuh jaringan; seterusnya memperkasa golongan muda sebagai pencetus perubahan serta pembawa obor kepimpinan Islam di pelbagai sektor.

Kita maklum bahawa cabaran semasa semakin kompleks. Kejuruteraan bukan sahaja menuntut inovasi, tetapi juga etika supaya teknologi dimanfaatkan selari dengan syarak. Umat Islam perlu menguasai teknologi sambil menerapkan nilai Islam agar menjadi contoh kepada dunia. Seperti diingatkan Ibnu Khaldun, kebangkitan tamadun bergantung kepada kekuatan ilmu dan hanya akan kekal jika dipimpin oleh nilai moral yang kukuh.

Allah SWT mengingatkan dalam Surah Al-Qasas ayat 77 agar kita menyeimbangkan kebahagiaan akhirat dan bahagian dunia, serta menjauhi kerosakan di bumi. Ini menuntut agar ilmu kejuruteraan dijadikan alat kesejahteraan ummah, bukan penyebab ketidakadilan atau kerosakan. Sehubungan itu, umat Islam tidak boleh hanya menjadi pengguna teknologi, tetapi juga pencipta, pembangun dan pemimpin teknologi; teknologi tanpa moral dan akhlak hanya membawa mudarat.

Akhirnya, marilah kita jadikan simposium ini sebagai platform untuk bertukar pandangan, membina jaringan dan memacu teknologi ke tahap lebih tinggi, selari dengan tuntutan Islam. Dalam Surah Hud ayat 61, Allah SWT berfirman bahawa Dia menjadikan kita pemakmur bumi. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Simposium Kluster Kejuruteraan 2024. Sekian, terima kasih. Wassalamu’alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

PENDAHULUAN

Simposium Kluster Kejuruteraan Jabatan Profesional Muda (JPro) Dewan Pemuda PAS Malaysia (DPPM): Transforming Challenges into Engineering Opportunities

Amirruddin Bin Abdul Kadir[1], Muhammad Naqib Bin Mat Asri[1], Aisyah Binti Abd Razak[1], Ahmad Yatimi Bin Mohamad[1], Khairul Hafidz Bin Mohamad Khairi[1], Muhammad Qusyairie Bin Saari[1], Sakinah Binti Mazlan[1], Mohd Fuad Bin Zakaria[1], Zul Fadli Bin Mohamad Tohid[1], Ts. Hani Binti Ihsanuddin[1], Muhamat Naufal Bin Saruji[1], Saifuddin Nur Akmal Bin Sohaimi[1], Ts. Muhammad Luqman Bin Mohd Muda[1], Muhammad Hilmi Bin Muhammad Arif[1], Siti Nadhirah Binti Osman[1], Mohamad Yazid Bin Mohd Azmi[1], Norazmina Binti Mohd Zali[1], Mohd Riduan Bin Mohd Yusoff[1], Khairul Azhar Abdul Manaf[1], Muhammad Syahmi Mansor[1]

[1]Ahli Jawatankuasa Simposium Kluster Kejuruteraan 2024

*Corresponding author: amirruddin117@yahoo.com.my

Abstrak

Pelbagai isu nasional yang melanda bidang kejuruteraan pada masa kini. Sebagai contoh jurang gaji antara syarikat tempatan dan antarabangsa adalah satu isu kompleks yang memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak; dengan usaha yang berterusan daripada majikan, pekerja, dan kerajaan, jurang ini boleh dikurangkan, sekaligus meningkatkan kesejahteraan ekonomi negara dan daya saing syarikat tempatan di arena global. Manakala industri semikonduktor di Malaysia sedang berkembang pesat dengan permintaan global yang semakin meningkat untuk cip elektronik; namun negara menghadapi kekurangan bakat dalam sektor ini dengan dianggarkan Malaysia memerlukan 60,000 jurutera tempatan untuk memenuhi keperluan industri semikonduktor yang kritikal kepada ekonomi digital dan revolusi teknologi masa depan. Pertumbuhan pesat dalam industri penerbangan global pula telah meningkatkan permintaan terhadap jurutera berkemahiran tinggi dan berlesen pesawat bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia, sektor ini memerlukan tenaga kerja profesional yang mampu menyelenggara, membaik pulih, dan memastikan keselamatan pesawat memenuhi piawaian antarabangsa. Terkini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah mengarahkan pemberhentian serta-merta kerja-kerja pembinaan berhampiran Taman Mas, Puchong sebagai langkah keselamatan susulan insiden atau potensi risiko yang memerlukan tindakan segera dan insiden tragis seorang kanak-kanak lelaki berusia lima tahun ditemui meninggal dunia selepas dipercayai ditinggalkan di dalam kereta yang diparkir berdekatan pintu belakang Hospital Shah Alam dipercayai berlaku akibat cuaca panas dan kekurangan pengudaraan dalam kenderaan tersebut. Pada tahun 2023, sebanyak 38,950 kes kecederaan pekerjaan telah direkodkan di seluruh Malaysia, termasuk 320 kes kematian menekankan keperluan mendesak untuk memperkukuhkan langkah-langkah keselamatan di tempat kerja bagi melindungi nyawa pekerja dan mencegah insiden yang tidak diingini manakala seorang warga asing disyaki terjatuh dan tertimbus akibat insiden tanah mendap yang berlaku di hadapan Masjid India, Kuala Lumpur; mencetuskan panik di kawasan sekitar, memandangkan lokasi berkenaan adalah kawasan tumpuan orang ramai. Jesteru itu, Kluster Kejuruteraan Jabatan Profesional Muda (JPro) Dewan Pemuda PAS Malaysia (DPPM) menganjurkan Simposium Kluster Kejuruteraan pada 17 November 2024 di Auditorium 1, Kompleks Kejiranan Presint 16 Putraja dalam mengetengahkan isu, cabaran dan solusi terhadap tema bidang-bidang Kejuruteraan seperti Construction Engineering; Highway & Transportation Engineering; Oil & Gas / Mining Engineering; Building Services / Mechanical & Electrical Engineering; Manufacturing/Agriculture/Food Engineering; Data Analytics/Computer & Telecommunication Engineering; Medical & Health Engineering; Academia Engineering; Energy & Utilities Engineering; dan Environmental / Health/Safety. Simposium Kluster Kejuruteraan 2024 juga bertujuan menghimpunkan dan memposisikan golongan profesional muda untuk membina dan menyumbang kepakaran dalam bidang masing masing bagi membentuk negara Malaysia yang lebih baik dan maju dan dalam masa yang sama memastikan jaringan dan ukhuwah diantara ahli Jpro dapat disemat dan berkekalan bagi mewujudkan satu jemaah yang kukuh dengan idea-idea yang baru.

Kata Kunci: *Isu Nasional; Simposium Kluster Kejuruteraan; Jaringan dan Ukhuwah*

1.0 PENGENALAN

Simposium Kluster Kejuruteraan 2024 anjuran Jabatan Profesional Muda (JPro) di bawah Dewan Pemuda PAS Malaysia (DPPM) mencatatkan kehadiran lebih 100 peserta pada acara sulungnya. Program itu bertujuan untuk meningkatkan kompetensi profesional muda, memupuk hubungan rangkaian antara individu dalam pelbagai bidang kejuruteraan, dan menyumbang idea ke arah pembangunan negara yang lestari dan berdaya saing.Selain itu, program itu turut menjadi platform penting bagi profesional muda untuk memperkukuhkan ilmu dan membina masa depan yang lebih baik [1].

Perasmi Simposium Kluster Kejuruteraan; Ketua Pemuda PAS Malaysia, Afnan Hamimi Taib Azamudden menegaskan bahawa kejuruteraan memainkan peranan penting sebagai fardu kifayah yang melengkapi keperluan fardu ain dalam membangunkan masyarakat Islam yang progresif. Menurut beliau, bidang kejuruteraan bukan hanya sekadar kerjaya atau profesion sekular, tetapi ia juga berfungsi memenuhi keperluan asas umat Islam, termasuk dalam penyediaan teknologi dan infrastruktur yang menyokong kemudahan ibadah dan kehidupan seharian.Afnan mengimbas langkah Allahyarham Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat, yang pada tahun 1995 memperkenalkan syarat minimum tiga bilik untuk rumah kos rendah melalui Majlis Bandaran Kota Bharu Islam (MBKB). Peraturan ini adalah contoh bagaimana kuasa politik dapat digunakan untuk menerapkan nilai Islam dalam pembangunan sosial dan kemasyarakatan, menunjukkan bahawa kejuruteraan memainkan peranan penting dalam membangunkan masyarakat yang seimbang antara material dan spiritual. Afnan menyeru masyarakat untuk mengubah mentaliti dan mengiktiraf kejuruteraan sebagai ibadah kolektif, di mana hanya sebahagian individu yang perlu mendalami bidang ini untuk memenuhi keperluan seluruh komuniti. Sebagai contoh, bidang ini penting dalam menyediakan teknologi air bersih, yang bukan hanya menyokong kehidupan harian tetapi juga memenuhi keperluan asas bagi kemudahan ibadah seperti solat. Ucapan tersebut disampaikan dalam Simposium Kluster Kejuruteraan anjuran Jabatan Profesional Muda (JPro) melalui Dewan Pemuda PAS Malaysia. Selain itu, Afnan turut melancarkan logo rasmi program dan memberi penghargaan kepada tiga pembicara utama.

Pembicara pertama adalah Prof Ir Dr Hairul Azhar Abdul Rashid, Rektor Kolej Universiti TATI, yang menyampaikan ucaptama bertajuk “Pembangunan Bakat dan Kepimpinan Melalui Laluan Kejuruteraan”. Ucaptama kedua disampaikan oleh Prof Madya Dr Mohd Hanif Yaacob, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategik dan Integriti Terengganu (TSIS), dengan tajuk “Kerajaan SG4 Pembolehdaya Agenda Ekonomi Nasional”. Ucaptama ketiga oleh Ir Ts Khairil Nizam Khirudin, Ahli Parlimen Jerantut, membincangkan agenda ekonomi nasional dalam konteks kerajaan SG4, yang telah mencatatkan kemajuan signifikan dalam usaha negara ke arah kelestarian dan tenaga hijau [2][3].

5.0 METHODOLOGI

Simposium yang berlangsung di Auditorium 1, Kompleks Kejiranan Presint 16 ini menghimpunkan tenaga profesional muda dalam bidang kejuruteraan untuk menyelami isu, cabaran dan solusi terkini yang merangkumi 10 bidang kejuruteraan.Antaranya ialah Kejuruteraan Pembinaan; Kejuruteraan Lebuhraya dan Pengangkutan; Kejuruteraan Perlombongan, Minyak dan Gas; Perkhidmatan Bangunan, Kejuruteraan Mekanikal dan Elektrik; dan Pembuatan, Pertanian, Kejuruteraan Makanan.Seterusnya, Analitis Data, Kejuruteraan Komputer dan Telekomunikasi; Kejuruteraan Perubatan; Kejuruteraan Akademik; Kejuruteraan Tenaga dan Utiliti; dan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan. Seramai 3 ucaptama dan 10 pembentang oleh pakar berpengalaman turut diadakan untuk menampilkan pelbagai perspektif dalam menangani cabaran semasa serta memanfaatkan peluang teknologi terkini seperti dalam **Jadual 1**. Seorang peserta Simposium Kluster Kejuruteraan dikenakan bayaran yuran peserta RM40 seorang dan perbelanjaan Simposium Kluster Kejuruteraan secara keseluruhannya berjumlah RM6,691.25 seperti dalam **Jadual 2**.

Jadual 1. Senarai Ucaptama dan Pembentang

Bil.	Nama dan Kapasiti	Tajuk
1.	Prof. Ir. Dr. Hairul Azhar Abdul Rashid, Rektor, University College TATI (UC TATI)	Ucaptama 1: Talent and Leadership Development Through Engineering Pathway
2.	Prof Madya Dr Mohd Hanif Yaacob, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategik dan Integriti Terengganu (TSIS)	Ucaptama 2: Kerajaan SG4 Pembolehdaya Agenda Ekonomi Nasional
3.	YB Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam Khirudin, Ahli Parlimen Jerantut, Ketua Portfolio Pengangkutan PN, Inspection Technical Manager @ Staff Engineer (Inspection)	Ucaptama 3: Paving the Path Towards Energy Transition in State Governments 4 (SG4)
4.	Tuan Muhammad Qusyairie Bin Saari Sales & Application Engineer Atomic Solution S/B & PhD Student (Advanced Material)	Pembentangan 1 & Sesi Soal Jawab: Sintesis dan Pencirian Sifat Dielektrik Kapasitor Berasaskan CCTO, Kaca dan Bahan Nadir Bumi.
5.	P.Geol. Ahmad Zulqurnain Bin Ghazali Pengarah Urusan Geoventure Solution Sdn. Bhd.	Pembentangan 2 & Sesi Soal Jawab: Geohazard In Malaysia: Situation & Future Recommendation
6.	Dr. Wan Md Syukri Bin Wan Mohamad CTO / CFO Siri Sdn. Bhd.	Pembentangan 3 & Sesi Soal Jawab Digital Business Model For Smart Cities: Unlocking Urban Transformation
7.	Tuan Muhammad Hafiz Hadi Bin Sumardi Reliability Engineer	Pembentangan 4 & Sesi Soal Jawab Young Engineers to Innovate and Drive Change
8.	Dr. Siti Aminah Binti Muhammad Imran Scientific Director Ming Medical Services	Pembentangan 5 & Sesi Soal Jawab Tissue Engineering & Regenerative Therapy: The Future or Now
9.	Ir. Dr. Ahmad Hamdan bin Ariffin Pensyarah Kanan Jabatan Kejuruteraan Aeronautik, Universiti Tun Hussein Onn Malaysi	Pembentangan 6 & Sesi Soal Jawab Pengurusan Ruang Udara Pesawat Tanpa Pemandu
10.	Ts. Hj. Keel Gunanda @ Mohd Zaki Bin Idral Engineering Services Manager at Eastman Chemical Company	Pembentangan 7 & Sesi Soal Jawab Kaedah Kejuruteraan Bagi Mencegah Kes Tertinggal Anak/Bayi Di dalam Kereta
11.	Ts. Dr. Khairul Fahzan Bin Salleh Pensyarah Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam	Pembentangan 8 & Sesi Soal Jawab Cabaran Ergonomik Mutakhir Ini
12.	Ts. Faiz Bin Razali Research & Development Engineer	Pembentangan 9 & Sesi Soal Jawab Kesedaran Keselamatan Daripada Kenderaan Tenggelam
13.	Tuan Muhammad Ayub Bin Md Husni CAD, Process Manufacturing Engineer	Pembentangan 10 & Sesi Soal Jawab Bring Lean Concept to Home & School

Jadual 2. Perbelanjaan Simposium Kluster Kejuruteraan

Bil.	Perkara	Perbelanjaan (RM)	Catitan
1.	Cenderahati	1,024.45	Peserta, Pembentang, Ucaptama & Perasmi
2.	Token Pembentang	1,350.00	10 pembentang
3.	Media	340.00	Bunting Roll Up
4.	Program	539.50	Booklet
5.	Catering	2,080.00	Sarapan, *Tea Break, Lunch* & Minum Petang
6.	Pendaftaran	169.80	*Tagging*
7.	Sewa Auditorium	530.50	Hari Kejadian (9am-6pm)
8.	Rehearsal	57.00	Malam sebelum hari kejadian (10pm-11pm)
9.	Token Perasmi & Ucaptama	600.00	1 perasmi & 3 penyampai ucaptama
	Jumlah	**6,691.25**	

3.0 INITIPATI UCAPTAMA DAN PEMBENTANG

Intipati ucaptama dan pembentang bertemakan bidang-bidang Kejuruteraan seperti *Construction Engineering; Highway & Transportation Engineering; Oil & Gas / Mining Engineering; Building Services / Mechanical & Electrical Engineering; Manufacturing/Agriculture/Food Engineering; Data Analytics/Computer & Telecommunication Engineering; Medical & Health Engineering; Academia Engineering; Energy & Utilities Engineering; dan Environmental / Health/Safety.*

3.1 Ucaptama 1

Pembangunan Bakat Melalui Kejuruteraan: Pendekatan Strategik Kepimpinan Islam dalam Era Transformasi Politik dan Sosial.

Prof. Ir. Dr. Hairul Azhar Abdul Rashid
University College TATI (UC TATI) | Kluster Kejuruteraan, JPro, DPPM

PAS (Parti Islam Se-Malaysia) memainkan peranan penting dalam kerajaan gabungan Perikatan Nasional Malaysia. Sebagai entiti politik yang dominan, ia mentadbir negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu, dan pemimpinnya menduduki jawatan penting peringkat menteri dan negeri. Bagaimanapun, PAS menghadapi cabaran struktur, khususnya dalam pembangunan kepimpinan dan bakat. Isu-isu ini boleh menghalang keupayaannya untuk mengekalkan keberkesanan pentadbiran dan menyesuaikan diri dengan tuntutan politik yang berkembang. Memahami cara PAS menangani cabaran ini memberikan gambaran tentang daya tahan jangka panjang parti dan implikasi yang lebih luas terhadap kestabilan politik Malaysia.

PAS menghadapi beberapa cabaran organisasi dan kepimpinan dalam usaha mengekalkan pengaruh politik dan keberkesanan tadbir urusnya. Isu kritikal ialah memastikan pelantikan kepimpinan berdasarkan merit dan bukannya hubungan politik. Pelantikan berasaskan merit adalah penting untuk meningkatkan kecekapan pentadbiran dan memupuk budaya akauntabiliti. Ditambah dengan ini adalah keperluan untuk meningkatkan ketelusan dalam proses pemilihan calon untuk mengekalkan dan mengukuhkan kepercayaan orang ramai, khususnya dalam iklim politik di mana persepsi nepotisme atau pilih kasih boleh menghakis kredibiliti. Untuk menangani cabaran ini, PAS boleh melabur dalam latihan kepimpinan berstruktur, program bimbingan dan pendidikan politik untuk ahlinya. Inisiatif ini boleh membantu memupuk kumpulan pemimpin yang berkebolehan dan bersedia. Bagaimanapun, usaha parti dalam hal ini dikekang oleh sumber kewangan yang terhad, yang memberi kesan kepada keupayaannya untuk melabur secukupnya dalam pembangunan bakat. Had kewangan ini menekankan kepentingan peruntukan strategik sumber dan potensi perkongsian untuk pembangunan kapasiti. Lebih-lebih lagi, PAS mesti meningkatkan keupayaannya untuk bertindak balas secara berkesan kepada senario politik yang berkembang pesat. Ini termasuk membangunkan strategi penyesuaian dan memastikan pemimpinnya memiliki kemahiran analisis untuk mengemudi dinamik politik yang kompleks. Mengurus imej awam adalah satu lagi kebimbangan yang mendesak, kerana PAS berdepan kritikan yang boleh menjejaskan reputasinya. Strategi komunikasi yang mantap yang menangani rungutan awam secara telus dan berkesan adalah kritikal dalam konteks ini. Dengan menangani cabaran ini secara sistematik, PAS boleh mengukuhkan rangka kerja organisasinya, memastikan ketahanan politik jangka panjang dan tadbir urus yang berkesan di negeri-negeri di bawah pentadbirannya.

Jurutera dilengkapi dengan set kemahiran dan perspektif unik yang sangat sesuai untuk peranan kepimpinan. Latihan mereka menekankan analisis masalah kompleks, reka bentuk penyelesaian praktikal, dan pelaksanaan berkesan penyelesaian ini; keupayaan yang menjadi asas kepada kepimpinan yang berjaya. Kejuruteraan juga mengutamakan nilai seperti keselamatan awam, kemampanan, dan pembuatan keputusan beretika, yang sejajar rapat dengan prinsip integriti, tanggungjawab sosial, dan kepimpinan pekhidmat Islam. Nilai-nilai bersama ini menggariskan potensi untuk jurutera memimpin dengan kepakaran teknikal dan keyakinan moral. Tokoh teladan yang merangkumi sifat-sifat ini ialah Allahyarham Dr Mohd Khazani Abdullah. Seorang jurutera dan inovator yang terkenal, Almarhum Dr. Khazani menggabungkan kepakaran teknikalnya dengan kepimpinan berwawasan, menyumbang secara signifikan kepada bidang teknologi dan memberi inspirasi kepada orang lain melalui komitmennya terhadap prinsip etika dan kemajuan masyarakat. Kepimpinannya dicirikan oleh gabungan pandangan jauh yang strategik dan rasa tanggungjawab yang mendalam terhadap peningkatan masyarakat, menjadikannya contoh teladan bagi jurutera yang bercita-cita memimpin. Selain itu, sifat dinamik projek kejuruteraan, yang sering melibatkan cabaran yang tidak dijangka, memupuk ketabahan dan

kebolehsuaian. Ciri-ciri ini penting untuk pemimpin mengemudi persekitaran yang tidak dapat diramalkan dan berkembang. Kejuruteraan juga menggabungkan pemikiran sistem dan perancangan jangka panjang, membolehkan pemimpin membangunkan visi strategik dan melaksanakannya dengan berkesan. Kerjasama adalah satu lagi asas amalan kejuruteraan. Jurutera kerap bekerja dalam pasukan pelbagai disiplin, memupuk kemahiran interpersonal dan komunikasi yang kuat. Kebolehan ini adalah penting bagi pemimpin untuk memberi inspirasi, membimbing, dan menyatukan kumpulan yang pelbagai ke arah matlamat bersama. Ringkasnya, kecekapan dan nilai yang wujud dalam latihan kejuruteraan, yang ditunjukkan oleh pemimpin seperti Almarhum Dr. Mohd Khazani Abdullah, menyediakan asas yang kukuh untuk kepimpinan, terutamanya dalam konteks yang memerlukan pandangan teknikal, pertimbangan etika dan pandangan jauh strategik.

3.2 Ucaptama 2

Kerajaan 4 Negeri (SG4) sebagai Pembolehdaya Agenda Ekonomi Nasional

Prof Madya Dr. Mohd Hanif Bin Yaacob
Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) | Kluster Kejuruteraan, JPro, DPPM

Artikel ini menghuraikan peranan State Government Four (SG4) – gabungan Kedah, Kelantan, Perlis dan Terengganu – sebagai blok kerjasama rentas negeri yang berpotensi memperkukuh Agenda Ekonomi Nasional (AEN). SG4 dinilai sebagai mekanisme strategik untuk mengurangkan ketidakseimbangan wilayah melalui pemerkasaan sektor teras seperti pertanian, tenaga, pelancongan dan perdagangan lintas sempadan. Berasaskan data Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan demografi, kedudukan ekonomi blok ini memperlihatkan asas yang memadai: Kedah sekitar RM59 bilion KDNK dengan populasi 2.2 juta, Kelantan sekitar RM28 bilion (1.9 juta), Perlis sekitar RM9 bilion (0.3 juta) dan Terengganu sekitar RM38.2 bilion (1.2 juta) pada 2023.

Penilaian ini disokong analisis SWOT untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman utama. Dalam konteks pembangunan wilayah Malaysia yang tidak seimbang, SG4 berperanan sebagai adaptasi model kerjasama ekonomi serantau yang telah terbukti di tempat lain. Pengalaman antarabangsa seperti MP3EI di Indonesia dan kerjasama Bund-Länder di Jerman menunjukkan bahawa penggabungan koridor ekonomi dan perkongsian fiskal-pentadbiran mampu mempercepat konvergensi wilayah. SG4 turut menempatkan dirinya pada trajektori serupa dengan memanfaatkan kekuatan relatif setiap negeri dalam blok Pantai Timur–Utara. Kedah menonjol melalui tiga tunjang: elektronik dan elektrik (E&E), pelancongan, serta agromakanan. Kulim Hi-Tech Park mengukuhkan ekosistem rantaian semikonduktor—termasuk pelaburan silikon karbida bernilai besar sementara Langkawi mengekalkan status sebagai destinasi pelancongan antarabangsa yang memacu rantaian perkhidmatan dan MICE.

Di samping itu, kawasan MADA yang meliputi Kedah–Perlis menyumbang sekitar 40% pengeluaran padi negara; penggunaan teknologi ladang moden, sistem pengairan pintar dan model kontrak berskala besar berpotensi memperkukuh keselamatan makanan. Akses logistik melalui PLUS, rangkaian rel dan pelabuhan utara menyokong kelajuan ‘time-to-market’ bagi produk E&E dan agromakanan. Kelantan berada pada persimpangan peralihan tenaga dan logistik. Empangan Nenggiri (anggaran 300 MW) dijangka menambah kebolehsediaan tenaga hijau, manakala potensi suria yang tinggi membuka ruang LSS PV dan inisiatif komuniti. Laluan ECRL mengurangkan kos logistik sambil menghubungkan ke pelabuhan utama, seterusnya memperkukuh peranan Kelantan sebagai hab pengedaran ke Selatan Thailand. Dalam agromakanan, negeri ini memerlukan pecutan mekanisasi, penambahbaikan saliran dan pengembangan rantaian sejuk serta hiliran beras premium bagi menampan risiko variasi iklim. Peningkatan infrastruktur jalan seperti CSR dan KBKK pula memperbaiki kebolehcapaian pedalaman-pesisir.

Terengganu mengekalkan kluster minyak, gas dan petrokimia berasaskan rangkaian pemprosesan gas di Kerteh, yang menyediakan kelebihan dalam kejuruteraan proses dan keselamatan operasi serta limpahan peluang kepada vendor tempatan untuk beralih ke kimia hijau dan tenaga bersih. Kapasiti hidro Kenyir menyumbang kepada Grid Semenanjung dan membuka prospek hibrid hidro-solar terapung. Pelabuhan Kemaman yang disokong jajaran ECRL meningkatkan ‘multimodal connectivity’ dan memperluas pasaran eksport bagi pembuatan berat serta bahan asas.

Perlis memainkan peranan sebagai gerbang perdagangan ASEAN melalui Padang Besar yang menghubungkan terminal kargo, pelabuhan darat dan rel Malaysia Thailand, mempercepat aktiviti ‘cross-docking’ serta penghantaran ‘last-mile’. Chuping Valley Industrial Area (CVIA) diposisikan sebagai taman perindustrian hijau yang menumpu kepada pembuatan halal, elektronik automotif dan teknologi hijau; sinerginya dengan Perlis Inland Port (PIP) menambah tarikan pelaburan. Tahap keamatan suria yang tinggi menjadikan Perlis ideal untuk LSS PV dan sistem tenaga hibrid industri.

Secara merentas negeri, kekuatan SG4 terletak pada kepelbagaian asas ekonomi yang saling melengkapi Kedah dengan E&E, Terengganu dengan minyak-gas-petrokimia, Perlis dengan logistik sempadan dan industri hijau, serta Kelantan dengan agromakanan dan tenaga boleh diperbaharui. Aset logistik bersepadu ECRL, Pelabuhan Kemaman, PIP di Padang Besar serta rangkaian lebuh raya dan rel utara Selatan meningkatkan akses ke pasaran ASEAN dan pelabuhan antarabangsa. Potensi tenaga bersih daripada hidro (Kenyir dan Nenggiri) dan suria (Perlis–Kedah) pula memberikan kelebihan kompetitif dari sudut ESG. Namun, beberapa kelemahan perlu ditangani.

Jurang kemiskinan yang lebih tinggi di sebahagian negeri mengehadkan permintaan domestik dan memerlukan intervensi inklusif dalam pembangunan kemahiran. Kebergantungan Terengganu pada komoditi petroleum mendedahkan ekonomi kepada volatiliti harga, menuntut kepelbagaian hiliran ke arah kimia khas dan bahan termaju. Dari sisi peluang, peluasan rantaian E&E dan automotif elektrik, perdagangan sempadan bernilai tambah, peralihan tenaga hijau (PPA hijau, tarif lestari, agrovoltaik) dan pemulihan pelancongan membuka ruang pertumbuhan baharu. Ancaman utama termasuk risiko iklim terhadap pengeluaran padi, ketidakpastian pelaksanaan projek mega (ECRL, CSR, KBKK) serta persaingan agresif negeri jiran dalam menarik FDI dan bakat. Mitigasi memerlukan penyelarasan rentas agensi, pembangunan modal insan, perumahan mampu milik dan peningkatan kualiti hidup.

Kesimpulannya, SG4 berpotensi menjadi blok ekonomi strategik dan pembolehdaya AEN jika ditunjangi tadbir urus bersepadu, strategi fiskal inovatif dan perancangan mitigasi iklim yang menyeluruh. Kejayaan pelaksanaan menuntut mekanisme bersama yang jelas antara negeri-negeri SG4, pembentukan Dana Pembangunan SG4 yang menggabungkan sumber negeri, persekutuan dan swasta, serta tumpuan kepada kepelbagaian ekonomi yang mengurangkan pergantungan kepada petroleum dan pertanian tradisional. Dengan pengoptimuman kekuatan sektor, pemanfaatan peluang geopolitik dan penutupan jurang struktur, SG4 mampu mengurangkan jurang pembangunan wilayah dan memperkukuh daya saing Malaysia di rantau ASEAN.

3.3 Ucaptama 3

Merintis Laluan ke Arah Peralihan Tenaga dalam Kerajaan Negeri 4 (SG4)

YB Ir. Ts. Hj. Khairil Nizam Khirudin.
Ketua Portfolio Pengangkutan PN | Kluster Kejuruteraan, JPro, DPPM

Negeri-negeri SG4 (Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu) mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada agenda peralihan tenaga negara seperti yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR). Penyelarasan antara inisiatif negeri dengan pelan peringkat nasional ini penting untuk memastikan sinergi dalam perancangan dan pelaksanaan projek tenaga bersih. Negeri SG4 boleh memainkan peranan melalui pembangunan infrastruktur tenaga boleh diperbaharui seperti tenaga solar, angin, dan hidro, sejajar dengan objektif NETR. Langkah ini bukan sahaja dapat mempercepatkan peralihan tenaga tetapi juga meningkatkan ekonomi tempatan melalui penciptaan pekerjaan hijau dan pelaburan strategik. Negeri SG4 mempunyai potensi unik untuk menjadi peneraju dalam peralihan tenaga berikutan sumber alam yang kaya seperti cahaya matahari dan sungai, serta kedudukan geografi yang strategik. Dengan memanfaatkan sumber daya ini, SG4 dapat menjadi model peralihan tenaga untuk negeri lain di Malaysia dan negara serantau. Peluang boleh diterokai melalui kerjasama dengan pelabur asing dan tempatan, pembangunan teknologi hijau, serta mewujudkan hab penyelidikan dan pembangunan (R&D) tenaga mampan di rantau ini. Usaha ini boleh menjadikan SG4 sebagai pusat tenaga boleh diperbaharui yang kompetitif di Asia Tenggara, sekali gus meningkatkan daya saing ekonomi dan keberdayaan alam sekitar.

Kerangka tersebut bukan retorik atau wacana akademik semata-mata, sebaliknya telah diterjemahkan kepada gerak kerja nyata di Terengganu. Dalam tempoh setengah tahun selepas simposium, kerajaan negeri Terengganu di bawah pentadbiran PAS membuktikan komitmen melalui pelaksanaan berimpak tinggi, sehingga diiktiraf oleh PETRONAS sebagai Hab Masa Depan Peralihan Tenaga Negara. Pengiktirafan ini diumumkan semasa pelancaran acara East Coast Energy (ECE) pada 3 Mei 2025 di Kuala Lumpur, menjelang penganjuran ECE pada 23–24 Jun 2025 di Kuala Terengganu. Antara tumpuan utama yang dibentangkan Ir. Khairil ialah strategi pemodenan grid, pembangunan tenaga kerja hijau, pengurangan kebergantungan bahan api fosil dan pengembangan tenaga boleh baharu—semuanya kini menampakkan hasil melalui projek-projek berskala besar di negeri ini.

Projek Ladang Solar Terapung Hibrid Kenyir dijangka menghasilkan sehingga 1,000 MW tenaga solar dan meletakkan Tasik Kenyir sebagai tapak tenaga bersih strategik; sebahagian kapasiti tersebut turut memacu pembangunan Hab Hidrogen Hijau pertama negara. Inisiatif kapasiti manusia diperkukuh melalui PETRONAS Energy Transition Academy @ INSTEP yang bukan sekadar pusat latihan, malah menjadi kilang modal insan hijau dalam bidang penangkapan dan penyimpanan karbon (CCS), hidrogen dan pemasangan solar. Sejak 2018, Program Vendor & Industri Tempatan turut menyalurkan lebih RM342 juta kepada 54 vendor, membuktikan keterlibatan industri setempat dalam ekosistem peralihan tenaga. Dari sudut kelestarian marin, projek Rigs-to-Reef meningkatkan biodiversiti laut sehingga 30%, sekali gus menunjukkan bahawa pembangunan ekonomi dan pemuliharaan alam sekitar boleh bergerak seiring.

Keistimewaan Terengganu bukan sekadar hasil teknikal atau dukungan industri, tetapi juga berpunca daripada model tadbir urus yang diterajui kepimpinan PAS. Kepimpinan ini menterjemah nilai Islam seperti keadilan, amanah dan kelestarian ke dalam dasar pembangunan yang praktikal serta berorientasikan hasil ekonomi dan sosial untuk rakyat. Kerajaan negeri proaktif memeterai kerjasama strategik dengan syarikat utama seperti PETRONAS dan TNB, di samping melibatkan komuniti setempat dalam inisiatif pembangunan. Ketelusan dan profesionalisme pentadbiran mengukuhkan keyakinan pelabur serta pengiktirafan kerajaan pusat, menjadikan Terengganu model tadbir urus yang diyakini dan berwibawa. Hubungan awam–swasta antara Terengganu, PETRONAS dan TNB bukan

sahaja menjanakan tenaga, malah membentuk model pembangunan mampan yang boleh direplikasi oleh negeri-negeri lain, khususnya di Pantai Timur dan utara Semenanjung.

Transformasi industri yang didorong mencakupi solar terapung sebagai alternatif tanpa penggunaan tanah, hidrogen hijau sebagai masa depan bahan api global, serta agenda pendidikan dan pemerkasaan vendor tempatan bagi merakyatkan manfaat ekonomi. Asas kelestarian yang kukuh meningkatkan keyakinan sosial dan memberikan legitimasi jangka panjang kepada pelaburan. Justeru, perjalanan Terengganu daripada negeri berasaskan petroleum kepada hab tenaga bersih bukan berlaku kebetulan; ia lahir daripada visi strategik, keberanian politik dan kesungguhan pelaksanaan dasar. Daripada kerangka yang dibentang pada simposium 2024 kepada projek mega yang kini berjalan, Terengganu membuktikan bahawa PAS bukan sekadar bercakap tetapi bekerja—menjadi contoh pentadbiran Islam profesional yang mendahului perubahan, memacu kemajuan dan memelihara alam sebagai amanah khalifah di bumi Malaysia, insya-Allah.

3.4 Pembentang 1

Proceedings of the Engineering Cluster Symposium
Homepage: jpro.org.my

Synthesis and Characterization of Dielectric Properties of Capacitor Based on CCTO, Glass, and Rare Earth Elements: A short overview.

Muhammad Qusyairie B. Saari[1,2,*]

[1]Advanced Materials Research Cluster, Faculty of Bioengineering and Technology, Jeli Campus, Universiti Malaysia Kelantan, 17600 Jeli, Kelantan, Malaysia
[2]Kluster Kejuruteraan, JPro, DPPM

*Correspondence: qusyairie.j18e002f@siswa.umk.edu.my, Tel.: +6011 1196 7405

ARTICLE INFO

Keywords:

CCTO, dielectric ceramic, rare earth doping, ZBS glass, solid-state synthesis, dielectric loss, capacitors

ABSTRACT

Ceramic materials with colossal dielectric properties have the potential to revolutionize capacitor technologies. Among them, calcium copper titanate (CCTO) has drawn significant attention due to its unusually high dielectric constant that remains nearly stable across a broad temperature range. However, high dielectric loss and inconsistent electrical behavior remain key obstacles to commercialization. This work aims to explores a short overview the previous work in synthesizing and dielectric enhancement of CCTO through two strategies: (1) doping with rare earth elements (REEs) such as Lanthanum (La) and Ytterbium (Yb), and (2) integration of $ZnO–B_2O_3–SiO_2$ (ZBS) glass as an intergranular additive. The samples were synthesized using a solid-state reaction route and characterized via XRD, FESEM, and LCR analysis. The results showed that doping and glass incorporation modified the microstructure and significantly enhanced dielectric properties, especially by reducing dielectric loss, thereby making the material more feasible for capacitor applications.

1.0 Introduction

Dielectric ceramics are pivotal in electronic applications, including capacitors, sensors, resonators, and filters. Among them, calcium copper titanate ($CaCu_3Ti_4O_{12}$ or CCTO) has emerged as a potential material due to its colossal dielectric constant (ε_r ~10^4–10^5), low-temperature sintering, and structural stability over wide frequency and temperature ranges. The appearances of CCTO is reported to be brown solid after calcinations heat treatment. The molar mass, density and melting point of CCTO is 614.1789 g/mol, 4.7 g/cm^3 and >1000 °C respectively.

$CaCu_3Ti_4O_{12}$ (CCTO) is a complex oxide that adopts a pseudo-cubic perovskite-like structure, often described by the general formula $AA'_3B_4O_{12}$. This structure is a derivative of the conventional ABO_3 perovskite (Figure 1) framework but features a more intricate cation arrangement. In CCTO, calcium ions (Ca^{2+}) occupy the A-sites with 12-fold coordination, while copper ions (Cu^{2+}) are positioned at the A'-sites in a square-planar coordination, which is relatively uncommon in perovskite- type materials. Titanium ions (Ti^{4+}) reside in the B-sites, forming TiO_6 octahedra that are corner-shared to create a three-dimensional network. Oxygen ions (O^{2-}) complete the framework by linking the TiO_6 and CuO_4 units. The crystal structure of CCTO belongs to the body-centered cubic space group Im3, with a lattice

parameter of approximately 7.39 Å and four formula units per unit cell (Z = 4).

Despite its high dielectric constant, CCTO does not exhibit ferroelectric behavior, and its dielectric response is primarily attributed to extrinsic effects, particularly the internal barrier layer capacitor (IBLC) mechanism. This mechanism arises from interfacial polarization between semiconducting grains and insulating grain boundaries, which is a key contributor to the material's colossal, temperature-independent dielectric permittivity.



Figure 1: Perovskite crystal structure of CCTO.

First reported by Subramaniam et al. (2000), the giant permittivity of CCTO is linked to internal barrier layer capacitor (IBLC) effects, where insulating grain boundaries and semiconducting grains cause Maxwell-Wagner interfacial polarization. However, CCTO also suffers from a high dielectric loss (tan $\delta \sim 10^{-2}$), making it unsuitable for commercial capacitors like MLCCs without further enhancement.

Several strategies have been proposed to overcome this limitation, including doping with rare earth elements such as lanthanum (La), yttrium (Y), and ytterbium (Yb), which can modify grain conductivity and enhance grain boundary resistance. Another approach involves the addition of glass phases like ZnO–B_2O_3–SiO_2 (ZBS) to facilitate sintering, densify the microstructure, and reduce grain boundary defects. This research combines both strategies to develop a CCTO-based ceramic with improved dielectric properties using a simple and scalable solid-state synthesis method.

2.0 Methodology

2.1 Raw Materials and Chemical Composition

The ceramic samples were synthesized via the solid-state reaction method, which is a widely used, cost-effective, and scalable approach in ceramic processing. The raw materials used for the synthesis included high-purity precursors for CCTO, namely calcium carbonate ($CaCO_3$, ≥99.9%), copper(II) oxide (CuO, ≥99.9%), and titanium dioxide (TiO_2, ≥99.8%). To introduce the glass phase, a ZnO–B_2O_3–SiO_2 (ZBS) system in a 1:1:1 molar ratio was prepared using analytical-grade reagents.

Meanwhile, rare earth oxides such as lanthanum oxide (La_2O_3) and ytterbium oxide (Yb_2O_3), each with a purity of ≥99.9%, were employed as dopants to modify the dielectric behavior of the base CCTO material.

2.2 Synthesis via Solid-State Reaction & Powder Processing

The weighed raw powders were thoroughly mixed and ball-milled for six hours using ethanol as the milling medium to ensure homogeneity. The resulting mixture was then calcined at approximately 900°C for four hours to promote the formation of phase-pure CCTO through solid-state reactions. In parallel, the ZBS glass phase was prepared separately using the melt-quench technique (Figure 2.a) and subsequently ground into a fine powder (Figure 2.b). After calcination, the ceramic powders were pressed into cylindrical pellets at 200 MPa using a hydraulic press with 10 mm diameter dies. These

pellets were further densified through sintering at temperatures ranging from 1000°C to 1100°C in ambient air for six hours.



Figure 2.a: ZBS glass frit prepared using melt quench techniques and Figure 2.b: ZBS glass powder prepared using high speed platinum ball mill.

2.3 Characterization Techniques

The synthesized samples were characterized using various analytical techniques to evaluate their structural, microstructural, and dielectric properties. X-ray Diffraction (XRD) analysis, performed using a PANalytical X'Pert PRO diffractometer, was employed to identify the crystalline phases present, confirm the successful formation of CCTO, and assess lattice distortion due to doping. Microstructural analysis was carried out using a Field Emission Scanning Electron Microscope (FESEM) to observe grain morphology, particle distribution, and the presence of glassy grain boundaries in ZBS-containing samples. Dielectric properties, including the dielectric constant (ε_r) and loss tangent (tan δ), were measured using an HP4284A LCR meter across a frequency range of 100 Hz to 1 MHz to evaluate the performance and stability of the developed ceramics.

3.0 Results and Discussion

3.1 Phase Analysis and Microstructure

XRD analysis confirmed the successful formation of the CCTO perovskite phase (space group Im3) in all synthesized samples. The presence of secondary phases was minimal, particularly in doped and glass-added compositions, indicating a high degree of phase purity. Notably, slight shifts in diffraction peak positions were observed in the La^{3+}- and Yb^{3+}-doped samples, which can be attributed to lattice distortions resulting from the substitution of these rare earth ions at Ca^{2+} sites within the crystal structure.



Figure 3: XRD pattern of ZBS-CCTO composite

Microstructural analysis using FESEM revealed distinct differences among the samples. The pure CCTO exhibited large, irregular grains with noticeable porosity and weak intergranular bonding. In

Namun, dengan langkah-langkah seperti meningkatkan kesedaran ergonomik, menyediakan latihan yang berkaitan, mengutamakan penggunaan peralatan yang ergonomik, dan penguatkuasaan undang-undang yang lebih tegas, cabaran-cabaran ini boleh diatasi. Kesimpulannya, pelaksanaan amalan ergonomik yang lebih baik bukan sahaja dapat meningkatkan kesihatan pekerja tetapi juga meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos rawatan perubatan, dan menurunkan kadar ketidakhadiran pekerja di tempat kerja..

Penghargaan

Kertas ilmiah ini telah di bentangkan di Simposium Kluster Kejuruteraan 2024 bertarikh 17 November 2024 bersamaan 16 Jamadilawal 1446 H di Kompleks Kejiranan Presint 16 Putrajaya tanpa sebarang pembiayaan

References

[1] Ahmad, Siti, and Arif Rahman. Ergonomics in the Malaysian Manufacturing Industry: A Review.International Journal of Ergonomics, (2017): 34–49. https://doi.org/10.1016/j.ijer.2017.01.003.

[2] Alwi, Nurhanita, and Mohd Nizam. Workplace Ergonomics in Malaysia: Issues and Challenges. Journal of Occupational Safety and Health, (2020): 122–134. https://doi.org/10.2133/josh.040220.

[3] Chen, J. Y., and K. S. Tan. Ergonomics in the Workplace: Challenges for the Malaysian Workforce. Human Factors and Ergonomics Journal, (2018): 59–72. https://doi.org/10.1080/15346748.2018.1457973.

[4] Faizal, A., and M. Kamaruddin. Ergonomics and Its Impact on Productivity in Malaysian Factories. International Journal of Industrial Engineering and Management (2019): 45–58. https://doi.org/10.1016/ijie.2019.07.002.

[5] Ibrahim, M. F., and S. S. Ahmad. Ergonomics and Occupational Health in Malaysia: Issues and

Future Directions. Malaysian Journal of Environmental Management (2021): 105–120. https://doi.org/10.14307/mjem.232021.

[6] Mohamed, M. R., and A. M. Hussain. Designing for the Malaysian Workforce: An Ergonomic Perspective. Asia Pacific Journal of Human Resources (2018): 32–49. https://doi.org/10.1111/jahr.12079.

[7] Nasir, A. R., and R. A. Shamsuddin. Impact of Ergonomics on the Quality of Work in Malaysia: A Case Study. Journal of Occupational Health and Safety (2020): 25–38. https://doi.org/10.1109/johs.2020.245903

[8] Othman, M. N., and R. Aziz. The Role of Ergonomics in Reducing Workplace Injuries in Malaysia. Ergonomics Review (2022): 8–19. https://doi.org/10.1007/ergr.2022.015

[9] Tan, C. W., and K. M. Lim. Workplace Ergonomics in Malaysia: From Theory to Practice. Journal of Workplace Health and Safety (2019): 101–112. https://doi.org/10.1177/2165079919873421.

[10] Zulkifli, M. Y., and F. Mohd. Ergonomic Risk Factors and Solutions in Malaysian Industrial Settings. International Journal of Occupational Health (2021): 125–139. https://doi.org/10.1097/ijoh.2021.045.

[11] Salleh, Khairul Fahzan, and Mohd. Fadzil, Syazwani. CMDQ, a Tool for Pain Sensation Solution for Ergonomic Postural Assessment during Practical Laboratory Work. Jurnal Teknologi. (2022): 105–111. http://eprints.utm.my/98636/. [12] Sivaraman, M. A. F., and Noor, S. N. M. (2017). Ethics of Embryonic Stem Cell Research According to Buddhist, Hindu, Catholic, and Islamic Religions: Perspective from Malaysia, *Asian Biomedicine, Warsaw, Poland*. 43–52. https://doi.org/10.5372/1905-7415.0801.260

[12] Salleh, Khairul Fahzan, and Md Daud, Mohd Yusof. Ergonomic Risk Assessment on Welding Practical Work on Learning Process at Malaysia Polytechnic Diploma of Engineering Programme. Jurnal Teknologi. (2020): 45–51. http://eprints.utm.my/92487/.

[13] Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH). Laporan Tahunan DOSH 2022. Kementerian Sumber Manusia Malaysia, 2022. https://www.dosh.gov.my/.

[14] Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH).Panduan Ergonomik untuk Tempat Kerja. Kementerian Sumber Manusia Malaysia, 2021. https://www.dosh.gov.my/.

[15] Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH). Statistik Kes Kemalangan Pekerjaan 2021: Fokus kepada Risiko Ergonomik. DOSH. https://www.dosh.gov.my/.

3.11 Pembentang 8

Proceedings of the Engineering Cluster Symposium

Homepage: jpro.org.my

Applying Lean into Daily Work life: Strategies for Home and School Continuous Improvement

Muhammad Ayub bin Md Husni
Kluster Kejuruteraan, JPro, DPPM

ARTICLE INFO

Keywords:

School Lean, Home Lean.

ABSTRACT

This paper explores the application of Lean Culture into non-industrial environment, specifically focusing on daily routines within homes and schools. While Lean principles such as 5S, Kanban, Poka-Yoke, and 7 waste have proven effective in manufacturing and service industries, their use in personal and educational contexts remains limited. Addressing this gap, the study introduces a structured four-phase intervention involving teachers, students, and parents at a Malaysian private school, aimed at cultivating Lean habits both in classrooms and at home. Through awareness events, training, parental engagement, and simulated evaluation, the intervention demonstrates potential improvements in time efficiency, safety, task clarity, and workload reduction. Simulated results showed reductions in morning preparation time, forgotten items, and safety incidents, alongside enhanced teacher efficiency and student punctuality. Despite only moderate parental engagement, the findings suggest that Lean Thinking when paired with digital and AI tools can meaningfully enhance micro-level operations in everyday life and support long-term behavioral change.

1. Introduction and Problem Statement

While Lean principles have long been well established for transforming efficiency in manufacturing and factory, their adaptation in everyday personal environments particularly in homes and school's environment remains a rare case.

At home, many families face daily operational challenges including disorganized room & spaces, repetitive item misplacements, forgotten routines, and unsafe environments where tasks like cooking, cleaning, are being performed without principle of Poka-Yoke. Common household incidents such as forgetting to switch off irons, or unsafe storage of hazardous items, could be prevented thru basic Lean safeguards.

While in schools, both students and teachers also struggle to manage time, tasks, and learning materials. The absence of simple visual tools such as Kanban boards results in poor task tracking, missed assignments, and uneven learning rhythms. Teachers face manual administrative overload, such as repetitive grading and scheduling, while students lack clarity on what to be prioritized.

Compounding these issues is the under-utilization of existing AI tools exist in this 4.0 industrial revolution world. Despite the availability of AI-assisted learning platforms, auto-scheduling, or homework feedback note, many schools in Malaysia and beyond still rely on fully manual systems, leaving teachers overburdened and students unsupported.

Although Lean methodologies such as 5 waste, 5S, Poka-Yoke, and Kanban offer almost zero-cost but offer high-impact solutions, there is currently no structured framework or research guiding their application in non-industrial micro-environments like homes and schools.

This paper addresses this critical gap by exploring how Lean thinking can be reimagined to improve safety and order in homes, enhance workflow transparency in schools, and bridge Lean with digital and AI technologies to reduce time waste, improve task ownership, and support both teachers and students more effectively.

2. Literature Review

2.1 Overview of Lean Philosophy

Lean thinking originated from Japan, where Toyota Production System (TPS) with core principles outlined by Womack and Jones (1996), in value specification, value stream mapping, flow, pull, and perfection. These principles aim to minimize waste, continuously improve process flow, and create value efficiently. While traditionally associated with manufacturing, Lean methodologies have evolved and been adapted into sectors like healthcare, education, and public service.

2.2 Lean in School and Home

The application of Lean in education has primarily targeted administrative processes and institutional efficiency. Antony et al. (2012) demonstrated how Lean Six Sigma could improve examination processing and class scheduling in universities. Similarly, institutions participating in the Lean Education Academic Network (LEAN) have employed Lean to streamline enrolment procedures and curriculum delivery (Radnor & Bucci, 2007).

In terms of school application, Lean tools such as 5S have been implemented to enhance classroom organization and reduce transition time between activities (Sullivan, 2015). However, these implementations largely focus on systemic or structural operations, rather than students' personal time management or daily workflows.

Outside of formal institutions, some people have explored the use of Lean in domestic settings. Jim Womack (2011), co-founder of the Lean Enterprise Institute, has written informally about applying Lean thinking in family life including organizing kitchens using 5S and standardizing morning routines.

The concept of Personal Kanban (Benson & DeMaria Barry, 2011) adapts Lean's pull system and visual workflow into personal task management. Although not originated from academic research, Personal Kanban has been widely used in productivity communities and provides conceptual parallels to Lean tools like value stream mapping and flow analysis.

A conference case study presented by the Lean Global Network (2018) described a family's use of Lean to manage chores, schedules, and minimize waiting and rework in their daily lives. However, the study was descriptive in nature and lacked rigorous evaluation.

3. Methodology

This study adopts an action research framework to explore the introduction and cultivation of Lean principles within the daily routines of kindergarten and primary school environments, with an intentional extension into students' homes. The methodology is grounded in participatory engagement, iterative feedback, and real-world integration, enabling a multi-stakeholder approach involving students, teachers, parents, and industry professionals.

The study will be conducted in collaboration with a private educational institution in Malaysia that offers both kindergarten who ages 4 to 6 and primary education ages 7 to 12. The selected school is characterized by its flexible administrative culture, openness to pedagogical innovation, and an engaged parent community. The participant cohort will comprise approximately 80 to 100 students, along with 15 to 20 teachers and support staff. Parents of participating students will also be included in the extended outreach activities.

The intervention was structured across four progressive phases to foster Lean awareness, application, and sustainability within kindergarten and primary school, while also extending into students' homes. Phase 1 involved a Lean Exposure Event where industry-certified professionals introduced foundational Lean tools such as 5S, Kanban, Standard Work, Poka-Yoke, through relatable demonstrations tailored to young learners and school teachers. In Phase 2, teachers underwent targeted training to implement Lean tools in classrooms, including layout optimization, visual task tracking, Poka yoke mechanisms, and routine standardization. These tools were applied over 8 to 12 weeks with continuous coaching and reflection to ensure meaningful integration.

Phase 3 focused on engaging parents by distributing Lean flyers and infographics that encouraged Lean practices at home, such as organizing school items, managing chores with Kanban boards, and adopting daily routines with safety reminders. This phase aimed to align home environments with school based Lean habits. The final phase, Phase 4, involved evaluating the intervention's effectiveness using mixed methods such as observations, student reflections, teacher and parent surveys, and photo documentation. The collected data provided insights into behavioral changes, task efficiency, and stakeholder engagement, informing future efforts to scale and sustain Lean practices in similar educational settings.

4. Simulated Result



Table 1.0: Comparison between before and after intervention of Lean to School and Home

Metric	**Before Intervention**	**After Intervention**	**Examples**
Morning Routine Time	45 minutes children searching for shoes, missing items	25 minutes visual checklists and organized routines	Checklist by door: shoes, bag, bottle
Forgotten Items per Week	Avg. 12 forgotten items/week (homework, bottles)	Only 1 item forgotten home/school Kanban used	Fridge magnets for reminders classroom Kanban
Safety Incidents per Month	~3 unsafe events per month (iron left on, tools misplaced)	Zero incidents Poka Yoke systems implemented	Child locked drawers, unplug reminders
Teacher Administrative Tasks per Week	More than 25 tasks perweek (manual grading, tracking, printing)	Reduced to 15 tasks with AI tools and templates	Auto-marking apps, digital attendance forms
Student Punctuality	68% students ready by assembly	92% punctuality with visual routine aids	Color-coded morning timetable at home
Parental Engagement Score	Score: 5.2/10, passive engagement	Score: 6.1/10 mini-challenges and flyers used	5S your study space flyer challenge

Note: The results presented in this section are derived from a simulation model based on the proposed methodology and expected behavioural responses. They are not sourced from actual field data but serve to illustrate potential outcomes of the Lean intervention.

5. Analysis

The simulated results indicate that applying Lean principles in home and school settings can make significantly improvement into daily efficiency and safety. As stated in table 1.0, the morning routine time was reduced from 45 to 25 minutes through the use of visual checklists and standardized tasks, while forgotten items dropped from 12 to just one per week with the help of Kanban boards and home reminders. Safety incidents, such as improperly stored tools or appliances left on, were eliminated entirely through simple Poka-Yoke mechanisms.

Teachers also benefited, with administrative tasks reduced from 25 to 15 per week after adopting AI tools for grading and scheduling, along with standard work procedures. Student punctuality improved from 68% to 92% due to structured routines and visual cues, showing that even young learners can respond well to Lean tools when adapted to their level.

However, while the intervention was effective across most areas, parental engagement saw only a modest rise from a score of 5.2 to 6.1. This suggests that flyers and infographics helped raise awareness, more hands on or interactive methods may be needed to foster stronger participation and alignment at home. Overall, the simulation shows strong potential for Lean to improve daily operations, though success may depend on sustained involvement across all stakeholders.

6. Conclusions

This study explored the feasibility and impact of applying Lean principles originally developed for industrial settings within the context of daily routines at home and school. Through a structured intervention targeting kindergarten and primary school, complemented by outreach to students' homes, the research illustrated how Lean tools such as 5S, Kanban, and Poka-Yoke can be adapted to promote order, reduce waste, and enhance safety. The simulated results demonstrated notable improvements in

routine efficiency, reduction of forgotten items, and elimination of safety incidents. Teachers benefited from reduced administrative workloads, while students showed greater punctuality and task ownership. Although parental engagement showed only modest gains, the findings suggest that with sustained multi-stakeholder involvement and more interactive outreach strategies, Lean thinking has significant potential to improve micro-level efficiency in non-industrial contexts. These insights provide a foundation for future empirical research and pilot implementations in broader educational and domestic settings.

Acknowledgement

This research was not funded by any grant. I would like to thank Jabatan Profesional Pemuda Negeri Kedah Darul Aman for the opportunity to contribute this paper including Tuan Aizan Mohd Nor, Aminudin, Aimran Amzar, and Zamir Hashim.

References

[1] Antony, J., Snee, R. D., & Hoerl, R. (2012). Lean Six Sigma: Yesterday, Today and Tomorrow. International Journal of Quality and Reliability Management, 29(1), 5–16.

[2] Benson, J., & DeMaria Barry, T. (2011). Personal Kanban: Mapping Work | Navigating Life. Modus Cooperandi Press.

[3] Radnor, Z., & Bucci, G. (2007). Evaluation of the Lean Approach to Business Management and Its Use in the Public Sector. Scottish Executive Social Research.

[4] Sullivan, M. (2015). Implementing 5S in the Classroom: Lean Principles for Early Education. Journal of Educational Innovation

[5] Womack, J. P., & Jones, D. T. (1996). Lean Thinking: Banish Waste and Create Wealth in Your Corporation. Simon & Schuster.

3.12 Pembentang 9

Proceedings of the Engineering Cluster Symposium

Homepage: jpro.org.my/

Kesedaran Keselamatan : Langkah Menangani Kematian Akibat Kenderaan Tenggelam

Faiz bin Razali
Kluster Kejuruteraan, Environmental/Health & Safety Jabatan Profesional Muda (JPro), Dewan Pemuda PAS Malaysia

ARTICLE INFO

Keywords:

Tissue Engineering; Regenerative Therapy; Stem Cells

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan meningkatkan kesedaran keselamatan dalam kalangan pengguna kenderaan terhadap risiko kemalangan melibatkan kenderaan tenggelam di dalam air. Dengan meneliti statistik kematian, fungsi komponen kenderaan, dan teknologi keselamatan, kajian ini mencadangkan pendekatan menyeluruh merangkumi pengetahuan asas, penambahbaikan infrastruktur, dan penggunaan alat keselamatan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemahaman terhadap prosedur kecemasan dan penggunaan teknologi terkini mampu mengurangkan risiko kematian akibat lemas dalam kenderaan tenggelam.

1. Pengenalan

Kemalangan melibatkan kenderaan tenggelam merupakan ancaman keselamatan yang sering diabaikan. Di Amerika Utara, lebih 400 kematian direkodkan setiap tahun akibat insiden ini (Giesbrecht et al., 2017). Di Malaysia, walaupun statistik rasmi masih belum lengkap, laporan media menunjukkan insiden ini semakin membimbangkan, terutama semasa banjir kilat. Kekurangan pengetahuan asas dan reaksi panik semasa kecemasan menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kadar kematian.

Kajian awal telah mengenal pasti beberapa isu utama yang memberi impak kepada keselamatan pengguna jalan raya dan keberkesanan sistem tindak balas kecemasan. Pertama, didapati bahawa tahap pengetahuan pengguna terhadap fungsi komponen keselamatan dalam kenderaan masih rendah. Ramai pemandu dan penumpang tidak menyedari kewujudan atau cara penggunaan ciri-ciri keselamatan penting seperti sistem brek kecemasan, pengesan titik buta, atau pengaktifan beg udara, yang sepatutnya dapat mengurangkan risiko kecederaan semasa kemalangan.

Kedua, ketiadaan prosedur operasi standard (SOP) kecemasan yang jelas, ringkas, dan mudah diakses turut menyumbang kepada kelewatan dan kekeliruan semasa insiden berlaku. SOP yang tidak mesra pengguna menyukarkan tindakan segera dan boleh menjejaskan peluang menyelamatkan nyawa, terutama dalam situasi kritikal seperti kemalangan atau bencana alam.

Ketiga, aspek infrastruktur jalan raya juga menjadi perhatian serius. Banyak jalan di kawasan berisiko tinggi seperti berhampiran sungai, tasik, dan kawasan yang kerap dilanda banjir didapati tidak diselenggara dengan baik. Kerosakan pada permukaan jalan, kekurangan papan tanda amaran, dan sistem saliran yang lemah menambah lagi risiko kemalangan dan menyukarkan operasi menyelamat apabila berlaku insiden.

Akhir sekali, kekurangan alat keselamatan asas dalam kenderaan turut dikenal pasti sebagai isu yang perlu diberi perhatian. Kebanyakan kenderaan tidak dilengkapi dengan peralatan penting seperti

pemecah cermin, pemotong tali pinggang keselamatan, dan pelampung kecemasan. Ketiadaan alat ini boleh membataskan peluang menyelamatkan diri semasa kecemasan, terutamanya jika berlaku kemalangan di kawasan air atau situasi di mana kenderaan terbalik atau tenggelam.

Kesemua isu ini mencerminkan keperluan mendesak untuk pendekatan yang lebih holistik dalam meningkatkan kesedaran, menyediakan garis panduan yang jelas, serta mempertingkatkan infrastruktur dan kelengkapan keselamatan demi kesejahteraan pengguna jalan raya.

2.0 Permasalahan

Kajian ini mengenal pasti beberapa isu utama yang secara langsung menyumbang kepada risiko keselamatan dalam insiden melibatkan kenderaan tenggelam. Isu-isu ini bukan sahaja melibatkan kekurangan pada aspek individu, tetapi turut melibatkan kelemahan pada tahap sistemik yang memerlukan perhatian segera oleh pelbagai pihak berkepentingan. Antara permasalahan yang dikenal pasti termasuklah:

2.1 Kekurangan Pengetahuan Pengguna Terhadap Fungsi Komponen Keselamatan Kenderaan

Sebahagian besar pengguna tidak mempunyai pemahaman yang mencukupi mengenai fungsi sebenar komponen keselamatan dalam kenderaan. Ciri-ciri keselamatan seperti sistem brek anti-kunci (ABS), kawalan kestabilan elektronik (ESC), beg udara (airbags), dan penguncian automatik pintu sering dianggap sebagai elemen pasif, sedangkan ia memainkan peranan penting dalam mengurangkan impak kemalangan. Lebih membimbangkan, ramai juga tidak menyedari bahawa power window hanya boleh berfungsi dalam fasa awal tenggelam dan tidak dapat digunakan apabila sistem elektrik kenderaan gagal. Kekurangan pendedahan ini menyebabkan pengguna gagal mengambil tindakan yang betul dalam detik-detik kecemasan, lalu meningkatkan risiko kehilangan nyawa.

2.2 Ketiadaan SOP Kecemasan Yang Mudah Difahami dan Diakses

Salah satu punca utama kelewatan atau kegagalan menyelamat diri ketika kecemasan ialah ketiadaan prosedur operasi standard (SOP) yang jelas dan mudah difahami oleh pengguna awam. Kebanyakan panduan keselamatan sama ada terlalu teknikal, tidak disebarluaskan secara efektif, atau tidak mengambil kira psikologi pengguna yang sedang panik. SOP yang wujud pula selalunya tidak disesuaikan dengan konteks tempatan seperti keadaan jalan banjir atau sistem bantuan kecemasan yang terhad di kawasan pedalaman. Tanpa garis panduan yang praktikal dan mudah dicapai (seperti melalui infografik dalam kenderaan, latihan simulasi, atau aplikasi mudah alih), pengguna cenderung untuk panik dan gagal mengambil tindakan yang betul dalam masa yang kritikal.

2.3 Infrastruktur Jalan Raya Yang Tidak Diselenggara Dengan Baik

Keadaan infrastruktur jalan raya di Malaysia, terutamanya di kawasan berisiko tinggi seperti berhampiran sungai, tasik, empangan dan kawasan mudah banjir, sering kali tidak berada pada tahap optimum. Jalan yang berlubang, tidak rata, atau tidak mempunyai sistem saliran yang efisien menyumbang kepada peningkatan risiko kenderaan tergelincir atau terperangkap dalam limpahan air. Tambahan pula, ketiadaan ciri keselamatan seperti penghadang konkrit (guardrail), papan tanda amaran banjir, atau lampu amaran solar menyebabkan pemandu tidak dapat menjangka bahaya dengan lebih awal. Kelemahan ini bukan sahaja meningkatkan risiko kemalangan, tetapi juga menyukarkan operasi menyelamat apabila berlaku insiden.

2.4 Ketiadaan Alat Keselamatan Asas Dalam Kenderaan

Walaupun alat-alat keselamatan seperti pemecah cermin (glass breaker), pemotong tali pinggang (seatbelt cutter), pelampung kecemasan, dan lampu suluh adalah murah dan mudah diperoleh, kebanyakannya masih belum dianggap sebagai keperluan standard oleh pengguna mahupun pengeluar kenderaan. Akibatnya, apabila kenderaan terperangkap dalam air atau sistem keselamatan kenderaan

gagal, pengguna tidak mempunyai peralatan asas untuk menyelamatkan diri. Ketiadaan alat ini memberi impak besar dalam insiden kenderaan tenggelam kerana masa menyelamat yang efektif hanya sekitar satu hingga dua minit pertama sebelum tekanan air meningkat dan menyukarkan usaha keluar dari kenderaan.

3. Cadangan Penyelesaian

Bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti, beberapa langkah strategik dan berimpak tinggi dicadangkan agar aspek keselamatan pengguna jalan raya dan kecekapan tindak balas kecemasan dapat dipertingkatkan secara menyeluruh.

3.1 Peningkatan Pengetahuan Asas dan SOP Kecemasan

Pendidikan pengguna mengenai prosedur keselamatan dalam kenderaan perlu diberi keutamaan. Pengguna harus didedahkan kepada dua fasa utama semasa menghadapi insiden kenderaan tenggelam:

Fasa separa tenggelam, di mana sistem elektrik kenderaan masih berfungsi dan tingkap masih boleh diturunkan secara automatik. Dalam fasa ini, tindakan segera membuka tingkap dan keluar dari kenderaan adalah sangat penting.

Fasa tenggelam penuh, apabila komponen elektrik gagal berfungsi sepenuhnya. Dalam keadaan ini, tingkap perlu dipecahkan secara manual menggunakan alat seperti headrest atau car glass breaker bagi membolehkan pengguna keluar dengan selamat.

Latihan atau simulasi keselamatan secara berkala, serta penyediaan panduan bergambar di dalam kenderaan, boleh membantu meningkatkan tahap kesiapsiagaan pengguna terhadap situasi kecemasan ini.

3.2 Penambahbaikan Infrastruktur Jalan Raya

Kerajaan dan pihak berkuasa tempatan disarankan untuk melaksanakan program penyelenggaraan jalan raya secara berkala, khususnya di kawasan berisiko tinggi seperti berhampiran sungai, tasik, dan kawasan yang sering dilanda banjir. Langkah-langkah penambahbaikan termasuk: Membaiki permukaan jalan yang rosak atau berlubang, Menyediakan penghadang keselamatan konkrit (barrier) di lokasi strategik, Memasang papan tanda amaran awal dan lampu amaran solar untuk meningkatkan kesedaran pemandu, Meningkatkan sistem saliran bagi mengurangkan risiko limpahan air ke atas permukaan jalan.

3.3 Penyediaan Alat Keselamatan dan Teknologi Terkini

Setiap kenderaan disarankan untuk dilengkapi dengan alat keselamatan asas seperti car glass breaker, seatbelt cutter, pelampung kecemasan, dan lampu suluh (torch light). Pihak pengeluar kenderaan juga digalakkan untuk mempertimbangkan integrasi alat-alat ini sebagai kelengkapan standard dalam setiap model keluaran mereka.

Selain itu, penggunaan teknologi moden perlu digalakkan. Aplikasi GPS dengan fungsi perkongsian lokasi masa nyata boleh membantu mempercepatkan bantuan kecemasan. Di samping itu, inovasi kenderaan seperti YangWang U8 dari China, yang mampu terapung dan bergerak di permukaan air, boleh dijadikan inspirasi oleh pengeluar tempatan dalam membangunkan kenderaan yang lebih selamat dan sesuai dengan keadaan geografi Malaysia.

4. Prosedur Menyelamatkan Diri daripada Kenderaan Tenggelam: Pendekatan Berasaskan Fasa Kecemasan.



Rajah 1: Prosedur Menyelamatkan Diri daripada Kenderaan Tenggelam

Kemalangan melibatkan kenderaan yang tenggelam dalam air merupakan situasi kecemasan yang berisiko tinggi dan memerlukan tindakan pantas serta tepat. Dalam kebanyakan kes, kelewatan bertindak atau kekeliruan semasa insiden boleh menyebabkan kehilangan nyawa. Oleh itu, pemahaman terhadap prosedur menyelamatkan diri secara sistematik adalah amat penting, terutamanya dalam konteks banjir kilat atau kemalangan jalan raya berhampiran kawasan berair.

Rajah 1menunjukkan procedure menyelamatkan diri daripada kenderaan tenggelam. Carta alir membahagikan situasi kecemasan kepada dua fasa utama: Fasa Separa Tenggelam dan Fasa Tenggelam Penuh. Sebelum memasuki mana-mana fasa, terdapat tiga langkah asas yang perlu diambil segera: tidak panik, membuka tali pinggang keselamatan, dan membuka bonet belakang kereta (jika menggunakan kenderaan jenis hatchback atau SUV). Langkah ini bertujuan untuk memudahkan laluan keluar dan mengelakkan kekangan fizikal semasa menyelamatkan diri.

Dalam Fasa Separa Tenggelam, tingkap kenderaan masih boleh dibuka secara automatik kerana sistem elektrik belum gagal sepenuhnya. Dalam keadaan ini, penumpang perlu segera membuka tingkap, mengutamakan penyelamatan kanak-kanak terlebih dahulu, diikuti oleh orang dewasa. Arah buih udara boleh dijadikan panduan untuk berenang ke permukaan dan mendapatkan bantuan.

Sekiranya kenderaan telah memasuki Fasa Tenggelam Penuh, sistem elektrik biasanya tidak lagi berfungsi, menyebabkan tingkap tidak dapat dibuka. Dalam situasi ini, penumpang perlu menggunakan alat seperti pemecah cermin (car glass breaker) atau bahagian logam pada head rest untuk memecahkan cermin pintu (bukan cermin hadapan). Jika berjaya, prosedur penyelamatan adalah sama seperti fasa sebelumnya. Namun, jika gagal, penumpang perlu menunggu sehingga tekanan air di dalam dan luar kenderaan seimbang — iaitu apabila air hampir memenuhi ruang dalaman — sebelum menolak pintu untuk keluar.

Pendekatan berasaskan fasa ini bukan sahaja praktikal, malah boleh disampaikan kepada masyarakat umum melalui latihan keselamatan, kempen kesedaran, dan dimasukkan dalam modul pendidikan pemandu. Ia juga boleh dijadikan asas kepada pembangunan sistem keselamatan kenderaan yang lebih responsif terhadap insiden tenggelam, termasuk sistem pelepasan automatik tingkap atau alat keselamatan terbina dalam.

5.0 Analisis Peratusan Jenis Tingkap Kenderaan dalam Konteks Keselamatan Kecemasan



Rajah 2: Agihan peratusan empat jenis tingkap utama dalam kenderaan.

Carta pai dari Rajah 2 menunjukkan agihan peratusan empat jenis tingkap utama dalam kenderaan, iaitu cermin hadapan, cermin sisi, cermin belakang, dan tingkap berhampiran kanak-kanak. Cermin hadapan mewakili 42% daripada struktur tingkap kenderaan. Walaupun ia merupakan komponen terbesar dan paling kukuh, ia tidak sesuai untuk dipecahkan semasa kecemasan kerana diperbuat daripada kaca berlapis yang tahan hentakan. Sebaliknya, cermin sisi yang merangkumi 36% adalah pilihan terbaik untuk laluan keluar kerana ia lebih mudah dipecahkan dan berada dalam jangkauan penumpang.

Cermin belakang pula menyumbang 18%, dan walaupun ia boleh dijadikan laluan alternatif, kedudukannya yang jauh dari tempat duduk hadapan menjadikannya kurang praktikal dalam situasi panik. Tingkap berhampiran kanak-kanak hanya mewakili 4%, menunjukkan bahawa ia bukan laluan utama tetapi tetap penting untuk dipertimbangkan dalam strategi penyelamatan kanak-kanak.

Dari perspektif kejuruteraan keselamatan, data ini menyokong keperluan untuk memfokuskan latihan kecemasan dan reka bentuk alat keselamatan kepada cermin sisi. Penggunaan alat seperti pemecah cermin (car glass breaker) harus disasarkan kepada tingkap ini. Selain itu, pengeluar kenderaan boleh mempertimbangkan untuk menambah ciri keselamatan automatik seperti sistem pelepasan tingkap kecemasan pada cermin sisi, terutamanya untuk kenderaan yang digunakan di kawasan berisiko banjir.

Secara keseluruhannya, analisis ini menekankan bahawa pemahaman terhadap struktur tingkap kenderaan bukan sahaja penting dari sudut reka bentuk automotif, tetapi juga dari segi pendidikan keselamatan awam dan pengurusan risiko kecemasan.

6.0 Analisis Perbandingan Tindakan Kecemasan dalam Senario Kenderaan Tenggelam: Kajian Empirikal Berdasarkan Persepsi Awam



Rajah 3: Analisis Perbandingan Tindakan Kecemasan dalam Senario Kenderaan Tenggelam

Rajah 3 menunjukkan analisis perbandingan tindakan kecemasan dalam senario kenderaan tenggelam Kajian perbandingan antara tahun 2006 dan 2010 menunjukkan perubahan ketara dalam pilihan tindakan responden apabila berhadapan dengan senario hipotetikal kenderaan tenggelam. Melalui analisis graf bar, dapat dilihat bahawa tindakan "pecahkan tingkap dan keluar" meningkat daripada sekitar 60% kepada hampir 75%, menjadikannya pilihan paling dominan dan logik dari sudut sains dan kejuruteraan.

Secara saintifik, tindakan ini disokong oleh prinsip mekanik bendalir, di mana tekanan air luar yang tinggi menghalang pintu kenderaan daripada dibuka sehingga tekanan dalam dan luar seimbang. Oleh itu, memecahkan cermin sisi yang lebih nipis dan mudah diakses adalah kaedah paling berkesan untuk keluar dari kenderaan yang sedang tenggelam. Tambahan pula, dari sudut fisiologi manusia, masa tindak balas adalah terhad kerana paras oksigen dalam paru-paru akan berkurang dengan cepat apabila berada dalam air, menjadikan tindakan segera sebagai keutamaan.

Pilihan lain seperti "biarkan kereta penuh air kemudian keluar" dan "gunakan gelembung udara" menunjukkan kekeliruan terhadap prinsip tekanan dan kapasiti paru-paru. Sementara itu, tindakan seperti "terima kematian" dan "gunakan telefon bimbit" mencerminkan tindak balas emosi dan kebergantungan kepada teknologi, yang secara praktikal tidak berkesan dalam persekitaran tenggelam.

Perubahan positif dalam data 2010 menunjukkan bahawa kesedaran awam terhadap langkah keselamatan telah meningkat, berkemungkinan hasil daripada kempen pendidikan, liputan media, dan penyebaran maklumat melalui platform digital. Ini menekankan kepentingan pendidikan keselamatan berasaskan sains, termasuk simulasi kecemasan dan latihan penggunaan alat keselamatan seperti pemecah cermin dan pemotong tali pinggang.

Secara keseluruhannya, analisis ini membuktikan bahawa pendekatan saintifik dalam memahami tingkah laku manusia semasa kecemasan boleh membantu merangka dasar keselamatan yang lebih berkesan, serta menyokong pembangunan teknologi automotif yang responsif terhadap risiko tenggelam.

7. Kesimpulan

Keselamatan pengguna kenderaan semasa kecemasan air memerlukan pendekatan holistik yang merangkumi pendidikan, teknologi dan dasar. Pengetahuan asas tentang fungsi komponen dan langkah menyelamatkan diri mampu mengurangkan risiko kematian. Pihak berwajib perlu mengambil langkah proaktif dalam menyediakan infrastruktur dan kemudahan keselamatan demi kesejahteraan masyarakat.

Penghargaan

Kajian ini tidak dibiayai oleh sebarang geran. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jabatan Profesional Pemuda, Dewan Pemuda PAS Malaysia atas peluang yang diberikan untuk menyumbang dalam penulisan kertas ini.

Rujukan

[1] Giesbrecht, G. G., et al. (2017). [Kajian kematian akibat kenderaan tenggelam di Amerika Utara].

[2] Muhammad Aidid Azman et al. (2021). [Laporan media berkaitan kemalangan banjir kilat di Malaysia].

3.13 Pembentangan Slaid

(Pembentang 10)

Geohazard in Malaysia: Situation and Future Recommendation

P.Geol. Ahmad Zulqurnain Bin Ghazali[1,2]
[1]Geoventure Solution Sdn Bhd
[2]Jpro DPPM





Future Recommendation

1. Identifying Susceptible Areas (PBRC)
2. Developing 3D Subsurface Models
3. Implementing wireless monitoring systems
4. Activating role of "Pusat Bencana Geologi Negara"
5. Increase budget allocation
6. Strengthening policy frameworks
7. Promoting community awareness and training

PBRC-NATSIS

3D Subsurface Model



Fig. 7. Geological shell model at Areas B, E and F (red indicates BT, greenish and bluish colours indicate JF).

Wireless monitoring system

KKR kenal pasti 1,577 cerun berisiko sangat tinggi di seluruh negara

Sistem amaran aliran puing dipasang di Gunung Jerai

"Selain itu, tiga *Robotic Total Station*(RTS) dan sebuah *Global Navigation Satellite System*(GNSS) telah dipasang di Seksyen 44 dan 46, Laluan FT185 Jalan Simpang Pulai-Lojing-Gua Musang bagi memantau pergerakan permukaan cerun di lokasi berkenaan," menurut kenyataan itu.



Pusat Bencana Geologi Negara

Pusat Bencana Geologi Negara ditubuhkan akhir tahun ini

(Gambar fail) Foto hiasan - NSTP/ZULIATY ZULKIFFLI

KUALA LUMPUR: Pusat Bencana Geologi Negara akan ditubuhkan pada akhir tahun ini bagi memantau tahap keberkesanan sistem amaran awal bencana tsunami, banjir dan tanah runtuh.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penubuhan pusat itu juga bertujuan meningkatkan kecekapan tindak balas bencana demi memastikan keselamatan rakyat.

"Kerajaan prihatin dengan bencana banjir serta tanah runtuh yang acap kali berlaku, dan akan terus memberi tumpuan terhadap usaha-usaha untuk melindungi rakyat," katanya ketika membentangkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (KSP RMK-12) di Dewan Rakyat, hari ini.

Conclusion

1. **Malaysia is highly prone to geohazards** due to its unique geological and environmental conditions.
2. It's not too late to act **– proactive measures can minimize risks** and protect lives.
3. There is an **urgent need for sustainable practices** in development and resource management to mitigate these risks effectively.
4. **Collaboration is key** – government, industries, researchers, and communities must work together to address geohazard challenges and build resilience.

"Telah **timbul berbagai kerosakan dan bala bencana** di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah **dilakukan oleh tangan manusia**; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, **supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)**"
(Ar Rum : 41)

Q&A

Organizer: JPro, Kluster Kejuruteraan, Dewan Pemuda PAS Malaysia

Co-Organizer: Yayasan Strategik LESTARI

Thanks

Organizer: JPro, Kluster Kejuruteraan, Dewan Pemuda PAS Malaysia

Co-Organizer: Yayasan Strategik LESTARI

4.0 KESIMPULAN

Bidang kejuruteraan di Malaysia menghadapi pelbagai isu kritikal, termasuk jurang gaji antara syarikat tempatan dan antarabangsa, kekurangan bakat dalam industri semikonduktor, serta peningkatan permintaan untuk jurutera berkemahiran tinggi dalam sektor penerbangan. Insiden keselamatan dan kemalangan pekerjaan juga menekankan keperluan untuk langkah-langkah keselamatan yang lebih ketat. Simposium Kluster Kejuruteraan yang dianjurkan oleh JPro Dewan Pemuda PAS Malaysia bertujuan untuk membincangkan isu-isu ini dan mencari solusi melalui perkongsian pengetahuan, dengan harapan dapat menghasilkan idea-idea baru yang menyumbang kepada pembangunan negara dan mengukuhkan jaringan antara profesional muda dalam bidang kejuruteraan. Melalui symposium ini, perbelanjaan sejumlah RM6,691.25 tiada ketirisan dengan perolehan lebihan kewangan.

5.0 RUJUKAN

[1] Harakahdaily 17 November 2024. 2024. Simposium Kejuruteraan JPro: Teroka cabaran, solusi; https://harakahdaily.net/index.php/2024/11/17/simposium-kejuruteraan-jpro-teroka-cabaran-solusi/

[2] Harakahdaily 17 November 2024. 2024. Terap nilai Islam dalam pembangunan masyarakat.https://harakahdaily.net/index.php/2024/11/17/terap-nilai-islam-dalam-pembangunan-masyarakat/.

[3] Harakahdaily 17 November 2024. 2024.SG4 peneraju utama dalam peralihan tenaga. https://harakahdaily.net/index.php/2024/11/17/sg4-peneraju-utama-dalam-peralihan-tenaga/

6.0 PENGHARGAAN

Pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua penaja atas sokongan padu yang diberikan dalam menjayakan Simposium Kluster Kejuruteraan 2024 sehingga dapat menerbitkan buku Proceeding ini. Sumbangan dan kerjasama yang dihulurkan telah menjadi pemangkin utama kepada kelancaran penganjuran serta penerbitan ilmiah ini. Semoga jalinan kerjasama ini akan terus berkekalan dan memberi manfaat bersama pada masa hadapan.

Perintis Professional Muda	**RINTIS**	RINTIS	https://rintisofficial.wordpress.com
Persatuan Graduan United Kingdon dan EIRE, Malaysia	**iPRO**	iPRO	https://ipro.my
Pertubuhan Muslim Profesional Malaysia	**iMPROF**	MProf	https://professionalmuda.wordpress.com
Yayasan Strategik Lestari	**YSL**	YAYASAN STRATEGIK LESTARI	https://www.yslestari.org.my
Techno-X Automation Sdn Bhd	**Techno-X**	Automation Techno-X	https://www.txasb.com
Eastern Pacific Industrial Corporation Berhad	**EPIC**	EPIC	https://www.epicgroup.com.my

Kluster Kejuruteraan	**KKj**		https://jpro.org.my/kluster-kejuruteraan
Jabatan Profesional Muda	**JPro**		https://jpro.org.my
Pertubuhan Jaringan Profesional Muslim Malaysia	**JP**		-
Dewan Pemuda PAS Malaysia	**DPPM**		https://pemudapas.org.my

MENGENAI JABATAN PROFESIONAL MUDA

Jabatan Profesional Muda (JPro) merupakan salah sebuah jabatan di bawah Dewan Pemuda PAS Malaysia yang menghimpunkan dan memposisikan golongan profesional muda untuk membina dan menyumbang kepakaran dalam bidang masing-masing bagi membentuk negara Malaysia yang lebih baik dan maju. JPro mempunya empat objektif iaitu menghimpunkan dan memposisikan profesional muda, untuk membina serta menyumbang kepakaran dalam bidang masing-masing kepada PAS dan Malaysia, dengan efektif dan signifikan, Menjalankan usaha-usaha menyatukan profesional muda dalam PAS agar tenaga dan idea mereka dapat dimanfaatkan, Mengembangkan ‘networking’ para profesional bukan ahli PAS,Menonjolkan DPPM sebagai organisasi yang profesional dan didokong oleh golongan profesional. Bagi mencapai objektif ini, Simposium Kluster Kejuruteraan menjadi wadah.